



ATURAN ANGKASA

**MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN ANGKASA
KE-39 (MAPA 2025)
5 JULAI 2025 (SABTU)**



KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
Pendahuluan	4
Tajuk dan Berkuatkuasa	6
Tujuan	6
Tafsiran	6
BAHAGIAN I JAWATANKUASA TADBIR KEBANGSAAN	
Komposisi Jawatankuasa Tadbir Kebangsaan (JTK)	7
Tugas dan Tanggungjawab Jawatankuasa Tadbir Kebangsaan (JTK)	7
BAHAGIAN II JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN	
Komposisi Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD)	8
Kuasa dan Fungsi Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD)	8
BAHAGIAN III JAWATANKUASA ANGKASA NEGERI (JKAN)	
Komposisi Jawatankuasa ANGKASA Negeri (JKAN)	9
Kelayakan Calon Bagi Pemilihan Anggota Jawatankuasa ANGKASA Negeri (JKAN)	10
Tugas dan Tanggungjawab Jawatankuasa ANGKASA Negeri (JKAN)	11
Mesyuarat Jawatankuasa ANGKASA Negeri (JKAN)	12
BAHAGIAN IV MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN ANGKASA (MAPA)	
Jawatankuasa Kesahihan Wakil dan Calon (JKWC)	13
Proses Pencalonan bagi Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA (MAPA) Dan Hari Penamaan Calon MAPA	13
Kelayakan Cara Pelantikan, Tugas Serta Kewajipan Dan Timbalan Pengerusi Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA (MAPA)	14
Kuasa Pengerusi Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA (MAPA) Dan Tertib Dalam Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA (MAPA)	15
Tatacara Mengenai Berkempen, Bantahan dan Tata Etika Calon	15
Jurucakap Negeri	18
Usul Koperasi Anggota	18
Pendaftaran Perwakilan	19

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
Pelaksanaan Pengundian Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA (MAPA) dan Mesyuarat Agung Perwakilan Khas ANGKASA	19
Pengendalian Penggantungan dan Penamatan Koperasi Anggota	20
Pengendalian Penggantungan dan Penamatan Anggota Lembaga	21



ANGKATAN KOPERASI KEBANGSAAN MALAYSIA BERHAD

PENDAHULUAN

Berdasarkan UUK ANGKASA 2(1), Aturan ertinya aturan yang dibuat oleh Lembaga ANGKASA dari semasa ke semasa bagi melaksanakan aktiviti yang dijalankan ANGKASA tertakluk kepada peruntukan Akta, Peraturan-peraturan, Garis Panduan, Undang-undang Kecil, arahan Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA.

Aturan ini berdasarkan Undang-Undang Kecil ANGKASA 2025:

BIL.	PERUNTUKAN UUK	PERKARA
1.	UUK10(3)	(3) Bagi mengendalikan sesuatu aktiviti menurut fasal (1), Lembaga ANGKASA hendaklah membuat <u>Aturan aktiviti yang sesuai yang diluluskan oleh Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA</u> dan satu salinan hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya dalam tempoh tiga puluh hari selepas diluluskan oleh Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA itu.
2.	UUK18(12)	(12) Lembaga ANGKASA boleh menentukan tatacara yang jelas berhubung pengendalian penggantungan dan penamatan koperasi anggota termasuk memulakan prosiding, surcaj serta kuasa mengenakan hukuman melalui <u>Aturan yang diluluskan oleh Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA.</u>
3.	UUK23	(23) Hanya koperasi anggota yang telah menjelaskan bayaran menurut Undang-undang Kecil 13 berhak menerima notis untuk menghadiri Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA tertakluk kepada <u>Aturan yang diluluskan oleh Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA</u> dan koperasi anggota itu mempunyai satu undi sebagaimana menurut seksyen 30 Akta.
4.	UUK25(4)	(4) Lembaga ANGKASA boleh membuat apa-apa penentuan, untuk memastikan Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA dapat berjalan dengan lancar dan sempurna termasuk tatacara mengenai berkempen, bantahan dan tata etika calon tertakluk kepada <u>Aturan yang diluluskan oleh Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA.</u>

BIL.	PERUNTUKAN UUK	PERKARA
5.	UUK27(6) - JKWC	(6) Lembaga ANGKASA boleh menubuhkan Jawatankuasa Kesahihan Wakil dan Calon dan menentukan tatacara yang jelas berhubung proses pencalonan Lembaga <u>melalui Aturan dengan kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA.</u>
6.	UUK28(3)	(3) Lembaga ANGKASA boleh menentukan kaedah pengundian dalam pelantikan jawatan di bawah perenggan (d), (k) dan (t) di bawah fasal (1) Undang-undang Kecil 22 tertakluk kepada <u>Aturan yang diluluskan dalam Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA</u> jika terdapat bilangan undi yang sama banyak bagi sesuatu jawatan yang dipilih di bawah perenggan (d), (k) dan (t) fasal (1) Undang-Undang Kecil 22, maka pengundian semula hendaklah dilakukan sehingga suatu keputusan dicapai.
7.	UUK29(2)	(2) Lembaga boleh menentukan tatacara mengemukakan usul melalui <u>Aturan yang diluluskan dalam Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA.</u>
8.	UUK31(3)	(3) ANGKASA boleh menentukan kriteria kelayakan cara pelantikan, tugas dan kewajipan dan pengosongan jawatan Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Mesyuarat dan melalui <u>Aturan yang diluluskan oleh Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA.</u>
9.	UUK35(7)	(7) Lembaga ANGKASA boleh menentukan tatacara pengendalian penggantungan dan penamatan menjadi anggota Lembaga termasuk memulakan prosiding, surcaj serta kuasa mengenakan hukuman melalui <u>Aturan yang diluluskan oleh Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA.</u>
10.	UUK45(2) - JTK	(2) Lembaga ANGKASA boleh menentukan tatacara pelaksanaan jawatankuasa ini melalui <u>Aturan yang diluluskan dalam Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA.</u>
11.	UUK46(2) – JKAN	(2) Lembaga ANGKASA boleh menentukan tatacara pelaksanaan jawatankuasa ini melalui <u>Aturan yang diluluskan dalam Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA.</u>
12.	UUK48(2)	(2) Bagi mengendalikan kumpulan wang yang diwujudkan di bawah perenggan (g) fasal (1), Lembaga hendaklah membuat <u>Aturan yang diluluskan oleh Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA</u> dan satu salinan Aturan hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya dalam tempoh tiga puluh hari selepas diluluskan oleh Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA itu.
13.	UUK65(2)	(2) ANGKASA hendaklah juga menyediakan <u>Aturan aktiviti untuk diperiksa oleh anggota.</u>

TAJUK DAN BERKUATKUASA

Aturan ini boleh dinamakan **Aturan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA)** atau tajuk ringkasnya Aturan ANGKASA atau Aturan ini. Aturan ini hendaklah berkuatkuasa pada tarikh ianya diluluskan oleh Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA.

TUJUAN

Aturan ini disediakan untuk memperjelaskan lagi peruntukan yang terdapat dalam Undang-Undang Kecil ANGKASA 2025.

TAFSIRAN

Di dalam aturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain-

GP SKM	ertinya Garis Panduan Suruhanjaya Koperasi Malaysia
HPC	ertinya Hari Penamaan Calon MAPA
JAD	ertinya Jawatankuasa Audit Dalaman menurut UUK 47
JAL	ertinya Juruaudit Luar
JTK	ertinya Jawatankuasa Tadbir Kebangsaan menurut UUK 45
JKAN	ertinya Jawatankuasa ANGKASA Negeri menurut UUK 46
JURUCAKAP	ertinya Perwakilan Koperasi yang diluluskan oleh Lembaga ANGKASA mewakili Negeri
JKWC	ertinya Jawatankuasa Kesahihahan Wakil dan Calon
Koperasi dorman	ertinya koperasi yang tidak menjalankan sebarang aktiviti dan tidak mengadakan mesyuarat agung tahunan dan akaunnya tidak diaudit bagi tempoh yang lebih daripada tiga tahun
Koperasi tidak aktif	ertinya koperasi yang tidak menjalankan sebarang aktiviti dalam tempoh tiga tahun berturut-turut tetapi masih mengadakan mesyuarat agung tahunan atau akaunnya diaudit dalam tempoh tersebut
KPEK	ertinya Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan
KPPK	ertinya Ketua Pegawai Pengurusan Kumpulan
MAPA	ertinya Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA
MLA	ertinya Mesyuarat Lembaga ANGKASA
OKS	ertinya Orang Kena Siasat
PPK	ertinya Peraturan-Peraturan Koperasi 2010
SKM	ertinya Suruhanjaya Koperasi Malaysia

RUANG SELEBIHNYA DIBIARKAN KOSONG

BAHAGIAN I
JAWATANKUASA TADBIR KEBANGSAAN

Komposisi Jawatankuasa Tadbir Kebangsaan (JTK)

1. Berdasarkan UUK ANGKASA 45(2), Lembaga ANGKASA boleh menubuhkan Jawatankuasa Tadbir Kebangsaan (JTK) terdiri daripada;
 - (a) Presiden;
 - (b) Dua anggota Lembaga ANGKASA yang ditentukan oleh Lembaga ANGKASA;
 - (c) Tiap-tiap Pengerusi JKAN;
 - (d) Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan (KPEK);
 - (e) Ketua Pegawai Pengurusan Kumpulan (KPPK);
 - (f) Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan (KPKK); dan
 - (g) Wakil Sektor yang dilantik oleh Lembaga ANGKASA.
2. Bagi Jawatankuasa (d),(e),(f) dan (g) tidak layak mengundi dan tidak dikira kuorum.
3. Bagi wakil sektor yang dilantik menurut fasal 1 (g), tempoh lantikan adalah 1 tahun dan boleh dilanjutkan oleh Lembaga ANGKASA setiap tahun tetapi tidak lebih daripada 3 tahun dan diluluskan oleh MAPA.
4. Kuorum bagi mesyuarat JTK hendaklah tidak kurang daripada setengah daripada jumlah anggota JTK menurut fasal 1 perenggan (a), (b) dan (c).

Tugas Dan Tanggungjawab Jawatankuasa Tadbir Kebangsaan (JTK)

5. Tugas dan tanggungjawab JTK ialah:
 - (a) Mentadbir ANGKASA Negeri dan bertanggungjawab kepada Lembaga ANGKASA;
 - (b) Menerajui aktiviti, program pembangunan dan projek perniagaan yang berkaitan dengan koperasi anggota di negeri;
 - (c) Membuat apa-apa cadangan untuk keputusan Lembaga ANGKASA; dan
 - (d) Melaporkan apa-apa aktiviti dan program yang dilaksanakan oleh ANGKASA Negeri.

RUANG SELEBIHNYA DIBIARKAN KOSONG

BAHAGIAN II
JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

Komposisi Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD)

6. Berdasarkan UUK 47, Lembaga ANGKASA hendaklah menubuhkan suatu JAD menurut Aturan ini yang terdiri daripada lima anggota koperasi anggota yang berlainan memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan Suruhanjaya.
7. JAD hendaklah melantik seorang Pengerusi di kalangan JAD yang telah dilantik.
8. Kos perbelanjaan dalam menjalankan tugas, fungsi dan tanggungjawabnya ditanggung oleh ANGKASA.
9. Tempoh perkhidmatan JAD sepertimana yang diperuntukkan di bawah subperaturan 22(1) PPK 2010 adalah satu (1) tahun dan boleh dilanjutkan pada setiap tahun berdasarkan prestasi JAD yang dinilai oleh Lembaga ANGKASA dan tempoh perkhidmatan tidak melebihi 6 tahun.
10. Semua kekosongan, peletakan dan penamatan JAD hendaklah merujuk kepada GP4 SKM: Garis Panduan Pelantikan, Peranan dan Tanggungjawab Jawatankuasa Audit Dalaman.

Kuasa Dan Fungsi Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD)

11. Kuasa dan Fungsi JAD adalah seperti berikut:
 - (1) JAD hendaklah memeriksa segala rekod perakaunan dan rekod lain yang berhubungan secara langsung atau tak langsung dengan ANGKASA dan subsidiari jika ada, bagi maksud menentukan sama ada hal ehwal ANGKASA dijalankan mengikut matlamat, fungsi dan aktiviti ANGKASA hendaklah –
 - (a) Menjalankan tugas dan tanggungjawab seperti mana yang dinyatakan dalam GP4 SKM;
 - (b) Memeriksa kecukupan dan keutuhan sistem kawalan dalaman ANGKASA secara berkala;
 - (c) Melapor kepada Lembaga ANGKASA apa-apa ketidakselarasan yang berlaku dalam pengurusan ANGKASA; dan
 - (d) Mengambil tindakan sebagaimana yang diarahkan oleh Lembaga ANGKASA dari semasa ke semasa.
 - (2) JAD hendaklah pada setiap masa mempunyai akses kepada segala buku, akaun dan dokumen.

RUANG SELEBIHNYA DIBIARKAN KOSONG

BAHAGIAN III
JAWATANKUASA ANGKASA NEGERI (JKAN)

Komposisi JKAN

12. Berdasarkan UUK 46, Lembaga ANGKASA boleh menubuhkan Jawatankuasa ANGKASA Negeri (JKAN) yang terdiri daripada -
 - (a) Seorang Pengerusi JKAN;
 - (b) Seorang Timbalan Pengerusi JKAN; dan
 - (c) Tidak melebihi sepuluh orang anggota JKAN.
13. Mana-mana jawatankuasa mengisi kekosongan dalam JKAN termasuk Pengerusi JKAN dan Timbalan Pengerusi JKAN juga hendaklah mengosongkan jawatan mereka tidak kira baki tempoh perkhidmatan asal pada masa yang sama dengan anggota JKAN dan boleh dicalonkan semula.
14. Seorang anggota JKAN disifatkan mengosongkan jawatan dalam JKAN apabila keputusan jawatannya yang ditandingkan itu diumumkan.
15. Pengerusi JKAN hendaklah melantik seorang Setiausaha dan seorang Bendahari JKAN dari kalangan anggota JKAN. Pelantikan dan penamatan jawatan Setiausaha dan Bendahari JKAN hendaklah dibuat dalam Mesyuarat JKAN dan dimaklumkan kepada Lembaga ANGKASA.
16. Tempoh pelantikan bagi Setiausaha JKAN dan Bendahari JKAN sehingga dia berhenti atau diberhentikan oleh Pengerusi JKAN dan mesti dimaklumkan kepada Lembaga ANGKASA.
17. Seorang anggota JKAN akan terlucut jawatannya jika:
 - (a) Tidak lagi menjadi anggota atau Lembaga Koperasi Anggota yang diwakili;
 - (b) Koperasi yang diwakilinya tidak lagi menjadi koperasi anggota ANGKASA;
 - (c) Koperasi yang diwakili berstatus dorman atau tidak aktif berdasarkan data dari Suruhanjaya Koperasi Malaysia melainkan dibuktikan sebaliknya dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh data SKM dikeluarkan.
 - (d) Tidak hadir mesyuarat JKAN tiga kali berturut-turut tanpa sebab yang munasabah yang diberitahu terlebih dahulu;
 - (e) Meninggal dunia;
 - (f) Mengosongkan jawatannya sebagai anggota JKAN;
 - (g) Gila atau kesihatannya menjejaskan prestasi tugas dan tanggungjawab menurut laporan pengamal perubatan yang dilantik Lembaga ANGKASA;
 - (h) Disabitkan atas kesalahan boleh daftar atau kesalahan menurut akta atau peraturan;
 - (i) Dipeecat atas perintah SKM menurut seksyen 70 Akta;

- (j) merujuk pertikaian atau aduan kepada mana-mana orang selain daripada SKM;
- (k) membuat kenyataan dalam akhbar atau mana-mana media massa mengenai ANGKASA tanpa kebenaran Lembaga ANGKASA;
- (l) membuat tuduhan palsu ke atas anggota Lembaga ANGKASA atau anggota atau bekas anggota atau eksekutif ANGKASA;
- (m) memburuk-burukkan ANGKASA sehingga mencemarkan nama baik dan menjejaskan urusan perniagaan ANGKASA;
- (n) bertindak di luar etika mesyuarat di dalam mana-mana mesyuarat sehingga menjejaskan perjalanan mesyuarat itu;
- (o) gagal untuk menzahirkan kepada ANGKASA hakikat kepentingan dan jenis kepentingannya itu menurut Undang-undang Kecil ini; atau
- (p) apa-apa tindakan lain yang ditentukan Lembaga ANGKASA atau MAPA boleh memudaratkan kepentingan ANGKASA atau Pergerakan Koperasi.

18. Kekosongan dalam JKAN:

- (a) Bagi jawatan Pengerusi JKAN (Pengerusi Asal), boleh diisi oleh Timbalan Pengerusi JKAN dan tempoh pelantikannya adalah bagi baki tempoh perkhidmatan Pengerusi Asal dan jika Timbalan Pengerusi JKAN juga tidak dapat mengisinya, maka jawatan Pengerusi JKAN boleh diisi oleh JKAN dengan melantik seorang dari kalangan JKAN dan tempoh pelantikannya adalah bagi baki tempoh Pengerusi asal; dan
- (b) Selain daripada Pengerusi JKAN, boleh diisi oleh JKAN dengan melantik seorang dari mana-mana perwakilan koperasi anggota dan tempoh pelantikannya adalah bagi baki tempoh perkhidmatan kekosongan itu.
- (c) Pengisian kekosongan JKAN hendaklah diluluskan oleh Lembaga ANGKASA.

19. Lembaga ANGKASA mempunyai kuasa untuk mengadakan mesyuarat sekiranya terdapat keperluan jika berlaku ketidakharmonian, perbalahan, kekacauan, ketidaksefahaman, persengketaan, sabotaj, pakatan jahat, hasutan, komplot, atau apa-apa berkaitan dengannya yang boleh memudaratkan kepentingan ANGKASA dan Pergerakan Koperasi.

Kelayakan Calon Bagi Pemilihan Anggota JKAN

20. Hanya Perwakilan Koperasi yang mematuhi kelayakan yang berikut layak menjadi calon bagi pemilihan anggota JKAN:

- (a) koperasi anggota calon itu hendaklah menjadi anggota ANGKASA bagi tempoh tidak kurang dari dua tahun;
- (b) calon itu sendiri telah menjadi anggota koperasi anggota bagi tempoh tidak kurang dua tahun;

- (c) calon itu sendiri telah menjadi mana-mana anggota Lembaga koperasi anggota bagi tempoh tidak kurang dari dua tahun sama ada secara berterusan atau tidak;
- (d) calon itu adalah Perwakilan Koperasi;
- (e) Koperasi calon berstatus aktif berdasarkan data dari SKM melainkan dibuktikan sebaliknya;
- (f) calon itu hendaklah mendapat pencadang serta penyokongnya daripada sebuah koperasi;
- (g) calon itu hadir dan mendaftar dengan cara yang ditentukan Lembaga ANGKASA; dan
- (h) Koperasi anggota tidak mempunyai keberhutangan yang tertunggak dengan ANGKASA dalam tempoh enam bulan berturut-turut.

21. Bagi mana-mana koperasi anggota yang kurang daripada lima puluh orang atau kurang dan bagi sesuatu koperasi sekolah adalah tidak tertakluk kepada perenggan (a) dan (c), Aturan 20.

22. Lembaga ANGKASA boleh menentukan tatacara pengendalian penggantungan dan penamatan menjadi anggota JKAN termasuk memulakan prosiding, surcaj serta kuasa mengenakan hukuman.

Tugas Dan Tanggungjawab JKAN

23. JKAN hendaklah tertakluk kepada arahan dan penentuan Lembaga ANGKASA, menjalankan tugas berikut:

- (a) Bertanggungjawab kepada Lembaga ANGKASA bagi menjalankan aktiviti, program pembangunan koperasi dan projek perniagaan ANGKASA dalam Negeri itu;
- (b) Melaksanakan segala tugas yang diarahkan oleh Lembaga ANGKASA dari semasa ke semasa di samping menjalankan apa jua kegiatan untuk kepentingan, kebajikan dan kemajuan koperasi anggota khususnya dan koperasi lain amnya dalam Negeri berkenaan;
- (c) Memastikan akaun ANGKASA Negeri dan Akaun Amanah dikawal selia dengan betul, benar serta berhemah;
- (d) Mematuhi garis panduan ANGKASA yang ditentukan oleh Lembaga ANGKASA;
- (e) Memastikan anggota koperasi negerinya tidak bertindak memudaratkan kepentingan ANGKASA dan ANGKASA Negeri;

24. Kuasa dan tanggungjawab Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari JKAN adalah seperti berikut:

- (a) Pengerusi bertanggungjawab memastikan kesempurnaan pentadbiran dan pengurusan ANGKASA Negeri serta pelaksanaan segala keputusan Lembaga ANGKASA dan jawatankuasa ditubuhkan oleh JKAN.
- (b) Pengerusi hendaklah mempengerusikan Mesyuarat JKAN dan mana-mana jawatankuasa yang diluluskan oleh Lembaga ANGKASA.
- (c) Timbalan Pengerusi boleh melaksanakan tanggungjawab menurut fasal (a) dan (b)

semasa ketiadaan Pengerusi dan menjalankan tugas yang ditentukan oleh Lembaga ANGKASA dari semasa ke semasa.

- (d) Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari JKAN hendaklah memastikan urusan pentadbiran ANGKASA Negeri mematuhi Garis Panduan Pentadbiran dan Pengurusan ANGKASA Negeri, Manual Tadbir Urus Baik, Prosedur Kewangan, Manual Perolehan serta lain-lain pekeliling dan ketetapan yang dikeluarkan oleh Lembaga ANGKASA.

Mesyuarat Jawatankuasa ANGKASA Negeri (JKAN)

25. Mesyuarat JKAN hendaklah diadakan seperti tetapan berikut:

- (a) JKAN hendaklah mengadakan mesyuarat bulanan seperti mana yang ditentukan Lembaga ANGKASA.
- (b) Kuorum bagi Mesyuarat JKAN ialah hendaklah melebihi setengah daripada jumlah anggota JKAN itu.
- (c) Dalam ketiadaan Pengerusi JKAN, JKAN hendaklah dipengerusikan oleh Timbalan Pengerusi JKAN. Jika ketiadaan Timbalan Pengerusi JKAN, seorang dalam kalangan anggota JKAN hendaklah dipilih oleh JKAN.
- (d) Setiap anggota JKAN mempunyai satu undi dalam mesyuarat. Semua perkara hendaklah diputuskan dengan kelebihan undi.
- (e) Minit mesyuarat JKAN dan keputusannya hendaklah disampaikan kepada KPPK tidak kurang dari empat belas (14) hari bekerja dari tempoh mesyuarat itu dijalankan. Minit hendaklah disediakan oleh Pengurusan Negeri, disemak oleh Setiausaha dan disahkan oleh Pengerusi JKAN dalam Mesyuarat JKAN berikutnya.

26. Mesyuarat Jawatankuasa – Jawatankuasa ANGKASA Negeri

- (a) Tertakluk kepada kelulusan Lembaga ANGKASA, JKAN boleh, jika difikirkan perlu, melantik satu Jawatankuasa Kerja Negeri bagi melaksanakan keputusan JKAN seperti berikut;
 - (i) Jawatankuasa Kerja Pembangunan Koperasi Negeri
 - (ii) Jawatankuasa Kerja Perniagaan Negeri
- (b) JKAN juga boleh menubuhkan lain-lain Jawatankuasa kecil atau teknikal jika difikirkan perlu tertakluk kepada kelulusan Lembaga ANGKASA.
- (c) Pelaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa akan diperjelaskan dalam Garis Panduan Pentadbiran dan Pengurusan (G3P) Pejabat ANGKASA Negeri yang diluluskan oleh Lembaga ANGKASA.

RUANG SELEBIHNYA DIBIARKAN KOSONG

BAHAGIAN IV
MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN ANGKASA (MAPA)

27. Berdasarkan UUK 27(6), Jawatankuasa Kesahihan Wakil Dan Calon (JKWC)

- (1) Anggota Lembaga ANGKASA hendaklah melantik JKWC yang terdiri daripada Pengerusi JKWC dan Anggota JKWC dalam kalangan Lembaga ANGKASA yang dilantik (wakil Kementerian), Penasihat Korporat, Penasihat Undang-Undang Kumpulan, dan Pengurusan Kanan.
- (2) Terma rujukan JKWC adalah seperti berikut:
 - (a) Menentukan syarat-syarat kelayakan bagi seseorang sebagai perwakilan koperasi MAPA yang sah sebagaimana peruntukan UUK 24 atau aturan MAPA.
 - (b) Menerima borang pencalonan yang lengkap dan telah disahkan oleh JKWC. Bagi perkara yang meragukan, jawatankuasa boleh menyemak dengan pihak yang bertanggungjawab untuk menjelaskan keraguan tersebut.
 - (c) Mempertimbangkan permasalahan Perwakilan Koperasi pada hari pendaftaran MAPA.
 - (d) Memastikan semua calon yang layak bertanding mematuhi Tatacara Berkempen dan Tata Etika Calon.
 - (e) Mengesahkan senarai perwakilan atau pengganti perwakilan MAPA yang sah dan tidak sah sebagai rujukan (selepas MAPA) sehingga pemilihan MAPA akan datang.
 - (f) Peranan dan tugas JKWC meliputi pengesahan calon, pengesahan perwakilan atau pengganti, mengawasi pendaftaran perwakilan, mengawasi proses pengundian sehingga selesai keputusan pengundian diumumkan oleh Pengerusi MAPA.
 - (g) Mempertimbangkan permohonan bantahan daripada Perwakilan Koperasi sebelum, semasa dan dalam masa 24 jam selepas MAPA.
 - (h) JKWC akan menetapkan susunan kedudukan calon MAPA mengikut kriteria yang ditentukan oleh Lembaga ANGKASA.
 - (i) Calon yang telah disahkan oleh JKWC akan menerima surat pengesahan pencalonan tertakluk kepada penentusahan daripada SKM.
 - (j) Calon perlu mendapat pengesahan kelayakan untuk menjadi anggota Lembaga ANGKASA menurut UUK 27(2)(3)(4)(5)(6).

28. Proses Pencalonan bagi Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA (MAPA) dan Hari Penamaan Calon MAPA

- (a) KPPK hendaklah mengeluarkan Pemberitahuan yang ditentukan cara dan bentuknya oleh Lembaga ANGKASA kepada semua koperasi anggota untuk memberitahu maklumat mengenai pencalonan bagi jawatan yang akan dipilih dalam

MAPA. Pemberitahuan itu boleh mengandungi antara lain maklumat mengenai bilangan dan jawatan anggota Lembaga ANGKASA yang akan mengosongkan jawatan dan Hari Penamaan Calon MAPA serta syarat pencalonan bagi jawatan yang ditandingi.

- (b) Lembaga ANGKASA boleh menentukan –
 - (i) Tarikh dan kaedah bagi HPC MAPA; dan
 - (ii) Waktu bagi penyerahan borang dan dokumen serta syarat lain bagi pencalonan calon.
- (c) Seseorang calon bagi jawatan yang ditandingi dalam MAPA hendaklah hadir sendiri menyerahkan borang pencalonan dan dokumen yang ditentukan Lembaga ANGKASA bagi tujuan pencalonan bersama dengan pencadang serta penyokongnya sebelum tamat waktu pada Hari Penamaan Calon MAPA tertakluk kepada syarat yang ditentukan Lembaga ANGKASA.
- (d) Adalah menjadi tanggungjawab calon bagi jawatan yang ditandingi dalam MAPA untuk menguruskan semua urusan pencalonannya termasuk memastikan semua borang pencalonan dan dokumen yang ditentukan Lembaga ANGKASA bagi tujuan pencalonan adalah tepat, teratur dan sempurna dan diserahkan pada masa yang ditentukan.
- (e) Pencalonan seorang calon bagi jawatan yang ditandingi dalam MAPA hendaklah dibuat dalam mesyuarat sesuatu Lembaga koperasi anggota, sama ada mesyuarat biasa atau mesyuarat khas.
- (f) Pengerusi dan Setiausaha koperasi anggota itu hendaklah memperakukan yang pencalonan itu telah diputuskan oleh Lembaga koperasi anggota dalam borang pencalonan yang disediakan.
- (g) Kegagalan seorang calon untuk mematuhi syarat bagi penyerahan borang pencalonan dan dokumen sebelum waktu yang ditentukan untuk penyerahan itu dan syarat lain akan menyebabkan calon itu tidak layak untuk menjadi calon bagi jawatan yang ditandingi itu.
- (h) Seseorang calon yang juga adalah anggota Lembaga ANGKASA, JKAN dan JAD (“jawatan asal”) pada masa dia dicalonkan dalam mana-mana jawatan Lembaga ANGKASA yang ditawarkan untuk ditanding (“jawatan ditandingkan”), hendaklah mengosongkan jawatan asal, sebaik sahaja keputusan mengenai pemilihan jawatan ditandingkan itu dibuat dipenghujung MAPA, tidak kira sama ada dia dipilih dalam jawatan ditandingkan atau dia gagal dalam pemilihan itu dan tidak kira sama ada dia mempunyai baki tempoh perkhidmatannya dalam jawatan asal atau tidak.

Kelayakan Cara Pelantikan, Tugas Serta Kewajipan Bagi Pengerusi Dan Timbalan Pengerusi MAPA

29. Berdasarkan UUK31(3), KPPK hendaklah mengeluarkan Pemberitahuan yang ditentukan cara dan bentuknya oleh Lembaga ANGKASA termasuk cara penyampaian sama ada menggunakan media cetak dan elektronik kepada semua koperasi anggota untuk memberitahu maklumat mengenai pencalonan bagi jawatan Pengerusi dan Timbalan Pengerusi MAPA. Pemberitahuan itu boleh mengandungi antara lain maklumat mengenai bilangan dan jawatan yang akan mengosongkan jawatan dan syarat pencalonan bagi jawatan yang ditandingi dalam tempoh yang difikirkan wajar.

30. Notis yang ditentukan bentuknya oleh Lembaga ANGKASA bagi pencalonan jawatan Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Mesyuarat Agung hendaklah diedarkan kepada orang yang layak menyertai MAPA dalam masa dalam tempoh yang difikirkan wajar.

31. Adalah menjadi tanggungjawab calon bagi jawatan yang ditandingi dalam MAPA untuk menguruskan semua urusan pencalonannya termasuk memastikan semua borang pencalonan dan dokumen yang ditentukan Lembaga ANGKASA bagi tujuan pencalonan adalah tepat, teratur dan sempurna dan diserahkan pada masa yang ditentukan. Calon itu boleh mewakilkan urusan pencalonan kepada orang lain tertakluk kepada syarat yang ditentukan Lembaga ANGKASA tetapi calon itu masih bertanggungjawab dengan urusan pencalonannya.

32. Pencalonan seorang calon bagi jawatan yang ditandingi dalam MAPA hendaklah dibuat dalam mesyuarat sesuatu Lembaga koperasi anggota, sama ada mesyuarat biasa atau mesyuarat khas.

33. Pengerusi dan Setiausaha Koperasi Lembaga koperasi anggota itu hendaklah memperakukan yang pencalonan itu telah diputuskan oleh Lembaga koperasi anggota dalam borang pencalonan yang disediakan.

34. Kegagalan seorang calon untuk mematuhi syarat bagi penyerahan borang pencalonan dan dokumen sebelum waktu yang ditentukan untuk penyerahan itu dan syarat lain akan menyebabkan calon itu tidak layak untuk menjadi calon bagi jawatan yang ditandingi itu.

35. Jika berlaku kekosongan jawatan Pengerusi MAPA dan Timbalan Pengerusi MAPA menurut UUK 31(4), Lembaga ANGKASA akan melantik dari kalangan Perwakilan Koperasi untuk menguruskan MAPA.

Kuasa Pengerusi MAPA Dan Tertib Dalam MAPA

36. Apabila Perwakilan Koperasi Anggota yang layak menyertai MAPA ditegur oleh Pengerusi bagi sesuatu MAPA berhubungan dengan peraturan MAPA atau bangun semasa perbahasan berjalan, manamana Perwakilan Koperasi Anggota itu yang sedang bercakap atau yang hendak bercakap, hendaklah duduk dan Perwakilan Koperasi hendaklah diam supaya percakapan Pengerusi itu dapat didengar dan tidak terganggu.

37. Pengerusi MAPA bertanggungjawab memastikan supaya Aturan atau etika MAPA ini dipatuhi dan keputusannya adalah muktamad.

38. Jika MAPA membincangkan sesuatu perkara yang melibatkan kepentingan Pengerusi MAPA, maka MAPA hendaklah dipengerusikan oleh seorang yang lain yang dilantik atau dipilih menurut Undang-undang Kecil ANGKASA sehingga keputusan telah dibuat.

39. Jika berlaku kekecohan atau di luar jangka dalam MAPA, Pengerusi MAPA boleh, jika pada pandangannya wajar, menangguhkan MAPA dengan persetujuan Lembaga ANGKASA.

Tatacara Mengenai Berkempen, Bantahan Dan Tata Etika Calon

40. Berdasarkan UUK25(4), bagi memastikan kelancaran serta ketelusan MAPA, semua calon adalah tertakluk kepada Tatacara Berkempen, Bantahan dan Tata Etika Calon yang diluluskan oleh Lembaga ANGKASA seperti ketetapan berikut:

(1) Kempen

- (a) Semua pihak dan penyokong calon hendaklah patuh kepada syarat tempoh berkempen dari Hari Penamaan Calon hingga pengisytiharan bermula pengundian oleh Pengerusi JKWC. Sebelum tempoh berkempen bermula, tidak boleh diadakan sebarang bentuk kempen (perhimpunan atau majlis ceramah atau pemasangan atau edaran bahan kempen);
- (b) Tidak boleh mengadakan sebarang ceramah terbuka, perjumpaan awam terbuka, perhimpunan awam terbuka, pertunjukan awam terbuka atau hiburan awam terbuka;
- (c) Pengendalian kaedah berkempen hendaklah dibuat dalam suasana aman, tenteram dan teratur serta mematuhi undang-undang iaitu:
 - (i) Tidak berlaku apa-apa gangguan atau kekecohan ditimbulkan oleh mana-mana pihak;
 - (ii) Tidak berlaku apa-apa bentuk kecaman ke atas hal ehwal peribadi mana-mana calon, di khalayak umum yang mempunyai unsur-unsur berita palsu dan tidak benar, tohmahan, fitnah ataupun tuduhan yang tidak berasas;
 - (iii) Tidak ada apa-apa bentuk rayuan atau dorongan untuk mendapatkan sokongan berdasarkan unsur-unsur dan semangat perkauman atau keagamaan;
 - (iv) Apa-apa kritikan atau ulasan hendaklah tertumpu kepada persoalan dasar oleh calon serta isu-isu yang berkaitan dengan aspek pentadbiran.
- (d) Tidak boleh melakukan apa-apa tatalaku atau perbuatan (dalam bentuk lisan, tulisan atau apa-apa gambaran) yang boleh mencetuskan perasaan tidak senang, benci atau permusuhan antara kaum, agama atau budaya dalam kalangan perwakilan koperasi.

(2) Bahan Kempen

- (a) Apa juga bahan kempen tidak boleh dipamerkan sebelum bermulanya masa sebenar tempoh berkempen;
- (b) Tidak boleh mempamerkan, memberikan atau mengedar bahan kempen dalam dewan mesyuarat MAPA. Bagi MAPA yang diadakan secara dalam talian, *tele-conferencing Zoom Meeting* bahan kempen dalam apa jua bentuk tidak boleh diedar atau dipamer dalam mana-mana ruangan komen, *chat box* yang boleh dilihat perwakilan koperasi dalam semasa dan sepanjang sesi MAPA berlangsung.
- (c) Tidak boleh mengganggu dengan apa cara sekalipun bahan kempen calon yang menjadi saingan;
- (d) Semua pihak hendaklah mematuhi GP13 SKM: Suruhanjaya Koperasi Malaysia iaitu Garis Panduan mengenai Etika Calon Anggota Lembaga Koperasi.

(3) Sekatan dan Larangan semasa mengundi

(a) Semasa Mengundi

Berdasarkan GP14B SKM: Garis Panduan Pengurusan Mesyuarat Agung Wilayah Atau Mesyuarat Agung Kawasan Koperasi Semasa Penularan Pandemik Covid-19, perjalanan MAPA dibuat secara “*virtual*” atau secara maya atau dalam talian. Oleh itu, semua calon, penyokong dan pencadang hendaklah:

- (i) Tidak boleh merayu undi sama ada bertujuan untuk menyokong atau menentang calon yang bertanding sebaik sahaja Pengerusi Mesyuarat mengumumkan MAPA berlangsung dengan rasminya;
- (ii) Memberi kerjasama dalam memastikan proses pengundian dijalankan dengan aman, teratur dan mengikut undang-undang;
- (iii) Patuh kepada peraturan dan arahan yang dikeluarkan;
- (iv) Tidak melakukan apa-apa perkara yang boleh dianggap sebagai merasuah atau membeli undi;
- (v) Tidak dengan apa cara jua pun menghalang, mengugut atau menakutkan perwakilan koperasi untuk mengundi;
- (vi) Tidak mengibarkan sebarang bentuk bendera yang mempunyai simbol atau nombor calon pada latar belakang (*background*) calon semasa perjalanan MAPA.

(b) Semasa Pengiraan Undi

- (i) Proses pengiraan undi bagi MAPA yang diadakan secara ‘*virtual*’ dibuat dan dijalankan menggunakan sistem kiraan undi dalam talian;
- (ii) Tidak ada mana-mana pihak dibenarkan menghebahkan mana-mana keputusan pengiraan undi yang dijalankan sebelum diumumkan oleh Pengerusi MAPA;
- (iii) Proses pengiraan ini dikendalikan oleh Juru Audit Luar yang dilantik oleh Lembaga ANGKASA dan dipantau oleh JKWC.

(4) Pengumuman Keputusan

Semua calon, penyokong dan pencadang hendaklah:

- (a) Semua keputusan yang diumumkan oleh Pengerusi MAPA adalah muktamad;
- (b) Sebarang rasa tidak puas hati boleh membuat bantahan dengan bayaran RM5,000.00 dalam tempoh tiga puluh minit setelah pengumuman oleh Pengerusi MAPA dibuat.

(5) Aduan Dan Tindakan Terhadap Pelanggaran Tatacara

- (a) Mana-mana pihak yang ingin membuat aduan tentang pelanggaran Tatacara kempen oleh mana-mana calon boleh memuat turun borang aduan yang disediakan di laman web ANGKASA di www.angkasa.coop
- (b) Borang yang telah lengkap diisi hendaklah disertakan dengan bukti-bukti dan diserahkan ke JKWC untuk tindakan selanjutnya.
- (c) Mana-mana pihak yang didapati melanggar mana-mana perkara yang dinyatakan di bawah Tatacara ini boleh diambil tindakan sewajarnya yang difikirkan perlu oleh JKWC.

(6) Pelaksanaan Tatacara Kempen Dan Etika Calon Pemilihan MAPA Secara 'Hibrid' Atau "Virtual"

GP14B SKM: Garis Panduan Pengurusan Mesyuarat Agung Wilayah Atau Mesyuarat Agung Kawasan Koperasi Semasa Penularan Pandemik Covid-19 menyatakan mengenai pelaksanaan kaedah dan tatacara perjalanan MAPA boleh dibuat secara '*hybrid*' atau '*virtual*'. Oleh itu, mana-mana peruntukan dalam Tatacara ini boleh menggunakan pelaksanaan secara '*hybrid*' atau '*virtual*' mengikut kesesuaian sepertimana pada situasi semasa dan suai manfaat yang ditentukan oleh Lembaga ANGKASA.

Jurucakap Negeri

- 41. Berdasarkan UUK 53(1), kaedah bercakap dalam MAPA dan MAPA Khas hendaklah ditentukan oleh Lembaga ANGKASA.
- 42. Lembaga ANGKASA boleh menentukan kaedah pelantikan dan bilangan Jurucakap Negeri.
- 43. Pelantikan Jurucakap Negeri adalah seperti berikut:
 - (a) Setiap negeri diwakili oleh seorang Jurucakap yang terdiri daripada kalangan Perwakilan Koperasi.
 - (b) Pelantikan seorang Jurucakap Negeri dan seorang pengganti adalah atas cadangan JKAN.
 - (c) Jurucakap Negeri dan pengganti hendaklah bukan dari kalangan JKAN dan menjadi perwakilan koperasi MAPA berdasarkan syarat dan kelayakan menjadi perwakilan koperasi.
 - (d) Tempoh pelantikan Jurucakap Negeri adalah sehingga MAPA tahun tersebut berakhir.
 - (e) Jurucakap negeri bagi MAPA Khas akan dilantik oleh Lembaga ANGKASA, jika perlu.
- 44. Bidang Tugas Jurucakap Negeri adalah seperti berikut:
 - (a) Menjadi Jurucakap Negeri bagi perkara yang telah dibincangkan bersama JKAN masing-masing;

- (b) Membentangkan pertanyaan, pandangan, cadangan dan usul dari koperasi anggota yang ditapis oleh JKAN; dan
- (c) Mengemukakan pandangan berkaitan Laporan Tahunan ANGKASA semasa MAPA.

Usul Koperasi Anggota

45. Berdasarkan UUK29(2), usul ertinya usul yang diluluskan oleh sesuatu MAPA. Sebarang cadangan pertama di dalam satu perkara itu akan dikenali sebagai 'usul asal' dan semua cadangan mengenai perkara yang sama dikenali sebagai 'pindaan'.

- (a) Tiap-tiap pindaan kepada usul hendaklah dicadangkan secara bertulis oleh koperasi anggota.
- (b) Jika sebarang pindaan dikemukakan, pindaan selanjutnya tidak boleh dibuat sehingga pindaan terdahulu itu dibatalkan. Apabila pindaan kepada usul tersebut diisytiharkan, usul yang dipinda menjadi usul asal, yang mana pindaan -pindaan selanjutnya tertakluk kepada aturan ini.
- (c) Jawatankuasa Usul dibentuk terdiri dari kalangan Lembaga dan Pengurusan yang dilantik.

46. Tiap-tiap usul koperasi perlu dikemukakan dahulu kepada JKAN sebelum dimasukkan dalam Agenda dan hendaklah dihantar secara bertulis kepada KPPK menurut Undang-Undang Kecil ANGKASA.

47. Lembaga ANGKASA boleh memberi kuasa kepada JKAN untuk menapis usul koperasi anggota di negeri masing-masing sebelum dikemukakan kepada KPPK untuk dibincangkan dalam Jawatankuasa Usul.

48. Jawatankuasa Usul yang dilantik oleh Lembaga akan mengadakan mesyuarat sebelum sesuatu MAPA diadakan. Tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Usul adalah seperti berikut:

- (a) Mengumpul semua usul koperasi yang diterima;
- (b) Menyaring setiap usul koperasi yang diterima untuk dibentangkan semasa MAPA; dan
- (c) Lembaga koperasi tidak mempunyai kuasa untuk menolak atau menahan sebarang usul yang diterima daripada dibentang dalam MAPA.

49. Mana-mana anggota Lembaga ANGKASA yang berhasrat untuk bertanding dalam MAPA. tidak boleh menganggotai Jawatankuasa Usul.

Pendaftaran Perwakilan

50. Berdasarkan UUK53(1), Pendaftaran Perwakilan Koperasi adalah dengan menggunakan kaedah ANGKASA atau apa-apa kaedah yang diluluskan oleh Lembaga ANGKASA.

Pelaksanaan Pengundian MAPA Dan MAPA Khas

51. Semua perkara hendaklah diputuskan dengan kelebihan undi kecuali perkara berkaitan dengan pindaan Undang-undang Kecil ANGKASA. Jika undi sama banyak, perkara yang dibincangkan

disifatkan kalah. Pengerusi bagi sesuatu MAPA tidak mempunyai undi muktamad.

52. Pengundian untuk jawatan yang ditandingkan dalam MAPA hendaklah dijalankan di dalam MAPA secara sulit. Pengundian adalah dengan menggunakan kaedah yang ditentukan oleh Lembaga ANGKASA dan dimaklumkan kepada orang yang layak menyertai MAPA sebelum MAPA itu bermula.

53. JAL, JAD atau mana-mana pihak kompeten yang bebas dan tidak berkepentingan yang dilantik oleh Lembaga ANGKASA hendaklah menjalankan pengiraan undi dipantau oleh JKWC. Wakil calon boleh memerhati pengiraan tersebut tetapi tidak dibenarkan campur tangan. Sebarang bantahan hendaklah dibuat kepada Pengerusi bagi sesuatu MAPA itu dengan cara yang ditentukan Lembaga ANGKASA termasuk pembayaran deposit. Keputusan pengundian adalah muktamad.

54. Keputusan pengundian hendaklah dituliskan dan ditandatangani oleh Ketua JAL, Pengerusi JAD atau mana-mana pihak kompeten yang bebas dan tidak berkepentingan itu atau wakil calon yang hadir semasa pengiraan itu dan disampaikan kepada Pengerusi bagi MAPA itu untuk diumumkan kepada MAPA

55. Pelaksanaan Pengundian melibatkan pemilihan calon bagi apa-apa jawatan dalam struktur Lembaga ANGKASA hendaklah dijalankan di dalam mesyuarat secara sulit menggunakan mana-mana kaedah yang ditentukan oleh Lembaga ANGKASA.

56. Berdasarkan UUK 28(3), jika terdapat bilangan undi yang sama banyak bagi sesuatu jawatan, kaedah pengundian akan ditentukan oleh Pengerusi MAPA.

57. Bantahan keputusan pengundian:

- (a) Calon boleh membuat bantahan dengan mengisi Borang Bantahan Pengundian dalam tempoh 30 minit setelah keputusan pengundian diumumkan oleh Pengerusi MAPA. Borang Bantahan Pengundian perlu diserahkan kepada JKWC secara serahan tangan.
- (b) Permohonan hendaklah disertakan dengan alasan yang munasabah, termasuk tetapi tidak terhad kepada:
 - (i) Ketidakepadanan jumlah undian yang diterima
 - (ii) Undian rosak yang dipertikaikan, atau
 - (iii) Sebarang kekeliruan atau ketidaktelusan dalam proses pengiraan asal
- (c) Calon hendaklah membuat pembayaran wang bantahan sebanyak RM5,000.00 ke dalam akaun ANGKASA dan mengemukakan bukti pembayaran sebagai syarat bantahan. Wang bantahan tidak akan dikembalikan kepada calon jika keputusan bantahan ditolak oleh JKWC.
- (d) Proses semakan semula kiraan undi akan dijalankan serta merta oleh JAL.
- (e) Keputusan selepas kiraan semula hendaklah diumumkan oleh Pengerusi MAPA dan Keputusan tersebut adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan.

Pengendalian Penggantungan Dan Penamatan Koperasi Anggota

Berdasarkan UUK 18(12), Lembaga ANGKASA boleh menentukan tatacara yang jelas berhubung pengendalian penggantungan dan penamatan koperasi anggota termasuk memulakan prosiding, surcaj, serta kuasa mengenakan hukuman melalui Aturan yang diluluskan oleh MAPA.

58. Memulakan prosiding
- (a) Peringkat Aduan dan Siasatan Awal
 - (i) Proses bermula dengan penerimaan aduan rasmi atau dapatan audit atau siasatan dalaman.
 - (ii) KPPK akan mengeluarkan notis makluman kepada koperasi terlibat bagi mendapatkan penjelasan bertulis dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja.
 - (iii) Sekiranya tiada maklum balas atau jawapan tidak memuaskan, satu jawatankuasa siasatan khas akan ditubuhkan.
59. Penggantungan koperasi anggota
- (a) Lembaga ANGKASA berkuasa menggantung koperasi anggota jika wujud:
 - (i) Ketidakpatuhan terhadap UUK ANGKASA;
 - (ii) Salah laku serius yang menjejaskan imej ANGKASA; atau
 - (iii) Tindakan yang memudaratkan ANGKASA.
 - (b) Notis penggantungan rasmi akan dikeluarkan dan koperasi diberi tempoh rayuan dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh penggantungan.
60. Penamatan keanggotaan
- (a) Sekiranya selepas penggantungan tiada pembetulan dilakukan, atau kesalahan adalah berat (seperti penyelewengan, penipuan, kerjasama dengan bertentangan kepentingan gerakan koperasi), Lembaga berhak memulakan prosiding penamatan.
 - (b) Satu Jawatankuasa siasatan boleh ditubuhkan untuk mendengar keterangan pihak berkaitan sebelum keputusan muktamad dibuat.

Pengendalian Penggantungan Dan Penamatan Anggota Lembaga

Berdasarkan UUK 35(7), Lembaga ANGKASA boleh menentukan tatacara pengendalian penggantungan dan penamatan menjadi anggota Lembaga termasuk memulakan prosiding, surcaj serta kuasa mengenakan hukuman melalui Aturan yang diluluskan oleh Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA.

61. Pra Siasatan
- (a) Sebelum sesuatu siasatan dimulakan terhadap mana-mana anggota Lembaga ("Orang Kena Siasat ('OKS')"), Lembaga ANGKASA hendaklah melantik pegawai penyiasat mengikut terma rujukan yang ditetapkan oleh Lembaga ANGKASA.
 - (b) Setelah itu, pegawai penyiasat perlu mengemukakan notis atau surat bersifat perundangan kepada OKS bagi menjelaskan maksud siasatan tersebut.

- (c) Tujuan notis atau surat tersebut adalah untuk memaklumkan bahawa siasatan akan dijalankan ke atasnya dan penggantungan bagi tujuan siasatan. Hal ini untuk mengelakkan sebarang halangan dan mengelakkan daripada keterangan atau bukti dimusnahkan atau disembunyikan atau dikacau ganggu.

62. Semasa Proses Siasatan

- (a) Bagi menjalankan siasatan, Pegawai Penyiasat yang dilantik mempunyai kuasa untuk boleh mendapatkan penjelasan daripada mana-mana orang bagi membantu proses siasatan. Penjelasan tersebut hendaklah dicatatkan oleh pegawai penyiasat. Keterangan tersebut mesti disahkan serta ditandatangani oleh orang yang memberi keterangan atau OKS dan Pegawai Penyiasat.
- (b) Pegawai penyiasat boleh meneliti, mengambil apa-apa bahan bukti dan membuat apa-apa salinan dokumen termasuklah dokumen berstatus “Sulit, Rahsia ataupun Rahsia Besar” daripada mana-mana Lembaga ANGKASA seperti berikut: -
 - (i) menjalankan siasatan atas dan menentukan keabsahan atas surat, dokumen, minit mesyuarat dan apa jua dokumen yang relevan dengan aduan secara langsung mahupun secara tidak langsung;
 - (ii) mengadakan semak silang (*cross check*) atas semua dokumen relevan dengan aduan secara langsung mahupun secara tidak langsung; dan
 - (iii) memanggil semua anggota Lembaga termasuk lain-lain saksi untuk ditemuduga dan diambil keterangan bagi menentukan kesahihan tandatangan dan apa jua perakuan dan dokumen.
- (c) Laporan siasatan perlu dibentangkan kepada wPenasihat Undang-Undang Kumpulan (‘PUUK’) dalam tempoh yang ditetapkan ataupun sebarang tempoh lanjutan yang dibenarkan bagi menilai dan mengesahkan laporan siasatan tersebut dan memutuskan tindakan selanjutnya yang perlu diambil.

63. Selepas Siasatan

- (a) Sekiranya PUUK berpuas hati dan mendapati laporan siasatan lengkap serta menunjukkan terdapat asas dan merit (*‘prima facie’*), siasatan tersebut akan dibentangkan kepada KPEK untuk syor prosiding siasatan dalaman dibuat ke atas OKS dengan kelulusan Lembaga ANGKASA.
- (b) Sekiranya PUUK mendapati bahawa tiada asas yang kukuh, maka PUUK akan mengesyorkan kepada KPEK supaya tidak meneruskan siasatan (*No Further Action [NFA]*), tidak ada berlakunya apa-apa kesalahan [*No Offence Disclosed (‘NOD’)*] dan/atau lain-lain syor.

64. Pertuduhan

- (a) Perkara yang paling utama yang akan diperhatikan dan dinilai dalam sesuatu prosiding siasatan dalaman adalah samada proses dijalankan mengikut tertib dan pengaplikasian prinsip kebebasan asasi (*‘Rule of Natural Justice’*).

- (b) OKS tidak boleh diwakili dan ditemani oleh mana-mana peguam berdaftar semasa dalam prosiding siasatan dalaman. Namun, OKS boleh mendapatkan khidmat nasihat diluar prosiding atas kos mereka sendiri.
- (c) Proses pertuduhan termasuk keseluruhan prosiding siasatan dalaman akan dilaksanakan oleh mana-mana orang yang dilantik oleh Lembaga ANGKASA.
- (d) KPEK akan mengeluarkan surat kuasa lantikan kepada orang yang dilantik untuk mengendalikan prosiding siasatan dalaman.
- (e) KPEK akan mengeluarkan surat pertuduhan kepada OKS yang mana ia mengandungi perkara berikut:-
 - (i) butir-butir OKS seperti nama, nombor kad pengenalan dan alamat;
 - (ii) dakwaan yang jelas seperti jenis salah laku;
 - (iii) tarikh salah laku;
 - (iv) tempat salah laku; dan
 - (v) rujukan klausa dasar atau peraturan.
- (f) OKS perlu mengemukakan representasi bertulis dijawab dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja dari tarikh surat pertuduhan dikeluarkan.
- (g) Jawapan OKS kepada Surat pertuduhan boleh dijadikan sebagai sebahagian dokumen dalam prosiding siasatan dalaman.
- (h) Jika jawapan OKS tidak munasabah, bersifat penafian (*denial*) dan tidak boleh diterima, maka prosiding siasatan dalaman akan dimulakan.
- (i) Panel siasatan terdiri daripada orang yang berkecuali yang dilantik oleh Lembaga ANGKASA.

65. Prosiding Siasatan Dalaman (*Domestic Inquiry*)

- (a) Prosiding akan dijalankan di tempat dan masa yang ditentukan oleh panel siasatan.
- (b) Prosiding bermula dengan Pengerusi panel siasatan memperkenalkan komposisi panel siasatan pada OKS. OKS perlu mengesahkan atau bersetuju dengan komposisi panel siasatan yang mengendalikan siasatan dengan memberikan alasan yang munasabah. Jika alasan boleh diterima, prosiding akan ditangguh ke tarikh yang lain. Kalau bersetuju pohon direkodkan dan prosiding akan bermula.
- (c) Jurubahasa atau pegawai prosiding siasatan dalaman akan membacakan pertuduhan kepada OKS dan minta pengakuan. Jika OKS mengaku bersalah atas setiap pertuduhan, maka prosiding siasatan dalaman tidak akan diteruskan. Panel siasatan mendapati OKS bersalah dan disabitkan atas pertuduhan. Jika OKS mengaku tidak bersalah, maka siasatan dalaman akan bermula.

66. Kes Pendakwaan dan Pembelaan

- (a) Pegawai pendakwa akan memanggil saksi pendakwa atau saksi sepina (saksi pendakwaan) dan mengemukakan dokumen untuk dijadikan ekshibit.

- (b) OKS akan diberi hak untuk menyoal balas (*cross*) saksi pendakwaan dan dokumen yang dikemukakan.
- (c) Pegawai pendakwa boleh membuat pemeriksaan semula (*re-examination*) kepada saksi pendakwaan (jika perlu).
- (d) OKS diberi peluang kemukakan saksi-saksi (saksi pembelaan) dan keterangan dokumentar untuk dijadikan ekshibit.
- (e) Pegawai pendakwa boleh membuat pemeriksaan semula (*re-examination*) kepada saksi pembelaan (jika perlu).
- (f) Setelah selesai semua saksi pendakwaan dan pembelaan dipanggil, kedua-dua pihak (Pegawai Pendakwa dan OKS) akan membuat hujahan penggulungan di akhir kes pendakwaan dihadapan panel siasatan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes secara '*prima facie*' atas imbalan kebarangkalian (*balance of probability*).
- (g) Jika panel siasatan mendapati pihak pendakwaan gagal membuktikan kes '*prima facie*', maka panel siasatan boleh melepas dan menggugurkan kes OKS.

67. Keputusan Siasatan

- (a) Panel siasatan yang akan tentukan sama ada OKS bersalah atau tidak.
- (b) Panel siasatan dalam memutuskan pertuduhan OKS akan membuat alasan dan mengesyorkan hukuman atas keputusan yang dibuat dalam prosiding siasatan dalaman.
- (c) Jika OKS didapati bersalah, Lembaga ANGKASA boleh menentukan hukuman seperti berikut:-
 - (i) Digantung tugas untuk tempoh tertentu;
 - (ii) Laporan kepada pihak berkuasa; atau
 - (iii) Penamatan disyorkan untuk kelulusan MAPA.
- (d) Setelah didapati OKS bersalah maka prosiding siasatan dalaman akan ditamatkan.
- (e) Menurut UUK 35, jika didapati bersalah, hukumannya adalah digantung. Jika Lembaga menetapkan penggantungan ini, maka OKS hendaklah terhenti dari menjalankan hak, pengurusan dan pentadbiran hal ehwal ANGKASA. Selanjutnya tempoh perkhidmatan OKS berkenaan ditamatkan dan diberhentikan daripada menjadi Anggota Lembaga ANGKASA.

68. Rayuan terhadap Keputusan Panel Siasatan

- (a) Sebelum keputusan dibentang dalam MAPA, OKS perlu diberi peluang merayu kepada Lembaga ANGKASA dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh keputusan hukuman .

(b) Keputusan rayuan adalah muktamad.

69. Penamatan Anggota Lembaga ANGKASA

- a) Mana-mana Anggota Lembaga ANGKASA yang digantung, penamatannya hendaklah disahkan melalui pengesahan majoriti koperasi anggota yang diberikan di MAPA terawal yang diadakan selepas penggantungan itu.
- b) Keputusan Penamatan oleh MAPA adalah muktamad.

RUANG SELEBIHNYA DIBIARKAN KOSONG

PEMAKAIAN, PEMBATALAN DAN TARIKH LUPUT KUASA

Aturan ini terpakai kepada organisasi ANGKASA termasuk subsidiari jika ada, koperasi anggota, dan pekerja [UUK53(3)]. Aturan ini berkuat kuasa pada tarikh Aturan ini diluluskan dalam MAPA dan sebarang pindaan atau perubahan tertakluk kepada kelulusan MAPA.

Sekiranya terdapat percanggahan dan ketidakselarasan antara Undang-Undang Kecil dan Aturan ini, maka Undang-Undang Kecil hendaklah diguna pakai dan mengatasi Aturan ini.

Perintah Tetap yang diluluskan oleh MAPA sebelum ini adalah dibatalkan.

Lembaga ANGKASA boleh menubuhkan Jawatankuasa untuk membuat apa-apa ubah suaian kepada mana-mana peruntukan Aturan ini berdasarkan keputusan MAPA yang nyata padanya adalah perlu atau suai manfaat bagi maksud menghapuskan apa-apa kesulitan atau anomali akibat permulaan kuat kuasa Aturan ini dengan mengambikira tujuan dan rasional sesuatu peruntukan Aturan ini tetapi Lembaga ANGKASA tidak boleh menjalankan kuasa yang diberikan oleh fasal ini selepas habis tempoh satu tahun dari tarikh mula berkuatkuasanya Aturan ini. Dalam Aturan ini, "ubah suaian" ertinya pindaan, tambahan, pemotongan dan penggantian mana-mana peruntukan Aturan ini.

Diakui Aturan ANGKASA ini telah dibentang, dibincang dan diluluskan di dalam Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA ke-39 (MAPA Ke- 2025) pada 05 Julai 2025.



.....
(DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH ABDULLAH)
PRESIDEN ANGKASA



.....
(PROF. MADYA DATO' DR HJ. ABDUL RAHMAN ABDUL RAZAK SHAIK)
TIMBALAN PRESIDEN ANGKASA



.....
(DATO' HJ. KAMARUDIN ISMAIL)
NAIB PRESIDEN ANGKASA